



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Taklimat mengenai dengan Perintah Ketidaksolvenan, 2016
Rabu, 27 April 2016**

Kementerian Kewangan telah mengadakan satu taklimat mengenai dengan Perintah Ketidaksolvenan, 2016 pada hari Rabu, 27 April 2016 di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive. Antaralain taklimat berkenaan bertujuan untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai Perintah Ketidaksolvenan, 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2016. Antara yang hadir taklimat tersebut adalah wakil-wakil daripada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Jabatan Agensi Pelaburan dan Bahagian Pelaburan di Kementerian Kewangan, Darussalam Assets Sdn Bhd, Brunei Association of Banks, Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation (BDPC), Law Society of Brunei Darussalam dan Dewan-Dewan Perniagaan di negara ini.

Perintah Ketidaksolvenan, 2016 bertujuan untuk memberikan penekanan yang menjurus kepada penstrukturan semula dan pemulihan syarikat, dan perlindungan kepada si penghutang dan pemiutang. Syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara bolehlah memohon bagi 'company voluntary arrangement' yang membolehkan sesebuah syarikat berunding dengan pihak pemiutang bagi penstrukturan semula hutang piutang atau penyusunan semula syarikat.

Sesi pemberigaaan ini dikendalikan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan di Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Maklumat lanjut mengenai Perintah Ketidaksolvenan, 2016 boleh didapati di www.mof.gov.bn atau www.business.gov.bn. Salinan Perintah ini boleh didapati di Jabatan Percetakan Kerajaan atau dengan memuat turun daripada laman sesawang Pejabat Peguam Negara di alamat www.agc.gov.bn

